

Variasi Bahan Bantu Mengajar (BBM) Sebagai Instrumen Pengajaran Dalam Kalangan Guru Pelatih

Variation in Teaching Aid Materials as a Teaching Instrument Among Trainee Teachers

Siti Aisyah Abdul Jalil¹, Nur Farahkhanna Mohd Rusli^{1*}

¹ *Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, 35900 Perak, MALAYSIA*

*Corresponding Author: farahkhanna@fbk.upsi.edu.my
 DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2026.11.01.006>

Maklumat Artikel

Diserah: 1 Februari 2024
 Diterima: 16 Mac 2026
 Diterbitkan: 30 Mac 2026

Kata Kunci

Bahan bantu mengajar, guru pelatih, latihan mengajar

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk melihat penggunaan variasi bahan bantu mengajar (BBM) dalam kalangan guru pelatih semasa sesi PdPc. Objektif kajian adalah mengenal pasti variasi bahan bantu mengajar (BBM) sebagai bahan instrumen pengajaran dalam kalangan guru pelatih dan menghuraikan pandangan guru pelatih tentang penggunaan bahan bantu mengajar sebagai instrumen pengajaran. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan kaedah kualitatif, dan menggunakan kaedah kepustakaan serta tinjauan dalam proses pengumpulan data. Kajian ini melibatkan empat orang guru pelatih pelbagai bidang yang telah selesai menjalani praktikum di SMK Tengku Kudin, Raub, Pahang. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih bukan sahaja menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan bahan fizikal, malah turut menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi. Dari sudut positif, dapatan kajian menunjukkan penggunaan variasi bahan bantu mengajar berupaya memberikan kepuasan dan kemudahan kepada guru pelatih menyampaikan pengajaran selain dapat menambah pelbagai ilmu pengetahuan. Namun, wujud kekangan untuk mengekalkan konsistensi penyediaan bahan bantu mengajar, iaitu dari segi kewangan, kemudahan prasarana dan masalah teknikal seperti capaian internet di sekolah. Implikasi kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru pelatih mengikut bidang masing-masing, selain menjadi rujukan untuk kajian masa akan datang berkaitan manfaat penyediaan bahan bantu mengajar serta kekangan yang perlu dihadapi dalam proses penyediaannya.

Keywords

Teaching aids, trainee teacher, teaching training

Abstract

This study was conducted to see the use of variations in teaching aids among trainee teachers during teaching and learning sessions. The objective of the study is to identify the variation of teaching aids as teaching materials among trainee teachers and describe the opinions of

trainee teachers regarding the use of variations of teaching aids as teaching instruments. The design of this study is a case study that used qualitative methods, library research and survey methods in order to collect the data. This study involves four trainee teachers from various fields who have completed their practicum at SMK Tengku Kudin, Raub, Pahang. The research instrument used is a questionnaire. The findings of the study show that the trainee teachers not only use teaching aids based on physical materials, but also use teaching aids based on technology. From a positive point of view, the findings of the study show that the use of a variety of teaching aids is able to provide satisfaction and convenience to trainee teachers in delivering lessons, in addition to adding a variety of knowledge. However, there are challenges to maintain consistency in the provision of teaching aids, such as finance, infrastructure facilities and technical problems, such as internet access in schools. The implications of this study aim to highlight the variety of teaching aids used by trainee teachers according to their respective fields, in addition to being a reference for future studies related to the benefits of preparing teaching aids as well as the constraints that need to be faced in the preparation process.

1. Pengenalan

Guru merupakan individu yang bertanggungjawab mendidik dan mengajar murid. Begitu juga peranan yang perlu digalas oleh guru pelatih. Walaupun belum berstatus sebagai guru tetap, namun guru pelatih perlu menggalas tugas untuk mengajar dan mendidik murid selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia adalah untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Guru merupakan pengajar yang perlu merealisasikan pembangunan pendidikan kebangsaan secara profesional. Oleh itu, guru pelatih perlu mempersiapkan diri dari segi kemahiran, ilmu dan juga sikap profesional supaya dapat menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat, keluarga, murid dan juga diri sendiri. Guru menyandang peranan yang besar bagi memastikan keberhasilan dalam sesebuah pendidikan. Kerjaya sebagai guru merupakan satu profesion yang dihormati dan dipandang mulia kerana guru memegang peranan penting dalam membentuk perkembangan murid dari segi ilmu pengetahuan dan juga tingkah laku. Oleh itu, guru pelatih perlu sentiasa bersedia kerana apabila di sekolah, guru juga dianggap sebagai ibu bapa kepada murid.

Guru pelatih perlu mengetahui kelebihan dan kekurangan yang ada dalam diri supaya mereka dapat mengenali kekuatan, kelemahan, minat serta aspirasi yang ada dalam diri masing-masing. Hal ini demikian kerana apabila guru pelatih mampu mengenali diri mereka sendiri, mereka juga mampu membentuk dan mengasuh perkembangan peribadi dan sahsiah murid. Guru pelatih yang mampu menilai kebolehan diri mereka sendiri akan mengetahui bahagian atau kekurangan diri yang perlu diperbaiki supaya tidak mengganggu tugas mereka dalam mendidik dan membentuk murid ke arah yang lebih baik. Tambahan pula, profesion perguruan kini dilihat semakin mencabar dengan meningkatnya kemajuan dalam pelbagai bidang. Oleh yang demikian, cabaran tersebut perlu diatasi oleh guru pelatih dengan menggunakan teknik dan strategi yang bersesuaian semasa mengendalikan murid di sekolah. Guru pelatih boleh dianggap sebagai agen perubahan sosial yang perlu mengubah pemikiran, sikap dan tingkah laku murid supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dengan membekalkan ilmu pengetahuan yang boleh dimanfaatkan dalam kehidupan seharian mereka. Guru pelatih merupakan antara individu yang dapat mewujudkan proses dan hasil pendidikan yang berkualiti. Oleh itu, selaras dengan peningkatan kemajuan secara global dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, maka guru pelatih juga perlu menyesuaikan diri dengan penggunaan teknik dan strategi tertentu semasa sesi pengajaran di dalam kelas.

Penggunaan teknik dan strategi yang bersesuaian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdPc) juga bermaksud guru perlu menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang menarik. Norfarizah Mohd Bakhir & Mohd Zazril Ikmal Zamri (2016) menyatakan penggunaan BBM semasa sesi PdPc merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan oleh guru. Penggunaan BBM dalam proses PdPc dilihat sangat penting kerana ianya boleh membantu pelajar memahami sesuatu subjek dengan lebih jelas dan berkesan dengan bantuan alat bantu mengajar yang kreatif, inovatif dan pelbagai. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggubal Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dengan menyatakan bahawa penggunaan BBM serta strategi dan teknik pengajaran perlu diutamakan supaya proses PdPc menjadi lebih berkesan. Penggunaan BBM dalam sesi pengajaran dilihat berkesan kerana ianya menggunakan kesemua deria yang ada dan akan membantu menerangkan sesuatu konsep kepada murid terutama teori atau ciri-ciri bahan pembelajaran yang bersifat abstrak. Keberkesanan penggunaan BBM juga dapat dilihat apabila

guru dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka. Secara tidak langsung, budaya PdPc dengan mempelbagaikan penggunaan BBM dapat dipupuk dalam pengajaran guru.

Peranan guru pelatih adalah sangat penting khususnya dalam menentukan bahan-bahan semasa PdPc. Hal ini demikian kerana bahan-bahan tersebut merupakan salah satu alat yang dapat menjadi inspirasi kepada pelajar dalam memperkembangkan kecekapan dan kecerdasan mereka. Guru pelatih perlu dibantu dan didorong tentang cara untuk menggunakan dan mengaplikasikan BBM semasa latihan mengajar supaya ianya boleh menjadi kebiasaan setelah mereka berjaya menjadi guru kelak. Justeru itu, guru-guru pelatih ini disarankan untuk merancang sendiri aktiviti-aktiviti PdPc dengan teratur khususnya dari segi pemilihan atau penyesuaian bahan pengajaran. Aktiviti pengajaran ini bukan sekadar pemindahan ilmu daripada seseorang kepada orang lain tetapi ianya merupakan sebuah proses yang kompleks yang boleh mempengaruhi keseluruhan proses pembelajaran. Oleh itu, kualiti guru pelatih boleh diukur melalui tahap kefahaman pelajar berkaitan topik yang diajar. Dalam kajian ini, pengkaji akan menghuraikan variasi penggunaan BBM sebagai instrumen pengajaran oleh guru pelatih. Penggunaan BBM di dalam bilik darjah penting bagi membantu suasana pembelajaran menjadi lebih berkesan dan untuk menarik minat pelajar. Seterusnya, kajian ini akan menjelaskan masalah yang dihadapi oleh guru pelatih dalam menyediakan dan menggunakan BBM. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat memberi gambaran tentang kepelbagaian penggunaan BBM dan isu yang timbul dalam penyediaan dan penggunaan BBM yang dikhususkan dalam kalangan guru pelatih ketika melaksanakan latihan mengajar di sekolah.

2. Pernyataan Masalah

Mohd Faez Ilias, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi (2013) menyatakan penggunaan BBM semasa melaksanakan proses PdPc merupakan salah satu aspek penting yang perlu diberikan penekanan oleh setiap guru. Hal ini dikatakan demikian kerana masih terdapat segelintir guru yang tidak menggunakan BBM meskipun sistem pendidikan telah mengalami perubahan dari masa ke masa. Pada dasarnya, BBM boleh dipelbagaikan sama ada melalui penggunaan peranti elektronik atau bukan elektronik. Oleh yang demikian, tiada alasan yang wajar untuk tidak menggunakan BBM ketika sesi PdPc masa kini. Terdapat beberapa kajian lepas yang menjelaskan faktor sesetengah guru masih lagi tidak mengaplikasikan penggunaan BBM semasa sesi PdPc dan salah satunya ialah kekangan masa. Kepadatan jadual guru untuk menghabiskan silibus pembelajaran mengikut masa yang telah ditetapkan menyebabkan BBM sukar disediakan untuk PdPc.

Isu berkaitan beban tugas guru yang banyak menjalankan tugas perkeranian serta tugas-tugas lain selain mengajar menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang memadai untuk membina BBM. Kenyataan ini turut disokong oleh Normala Mehat, Norehan Abdullah & Kalthum Hassan (2021) yang berpendapat guru kini bukan sahaja perlu melaksanakan tanggungjawab hakiki mereka, iaitu melaksanakan sesi PdPc, malah guru juga terlibat dengan aktiviti ko-kurikulum dan ada dalam kalangan mereka yang perlu melaksanakan tugas perkeranian. Masalah ini pada dasarnya telah pun dikemukakan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Namun, beban kerja-kerja perkeranian yang tidak relevan dilihat masih berlaku dalam sistem pendidikan disebabkan faktor keterbiasaan yang telah menjadi budaya dalam persekitaran sekolah. Bagi memikul tanggungjawab dan tugas yang rencam, maka para guru berhadapan dengan kekangan untuk menyediakan BBM untuk PdPc mereka dan kekangan ini bukan sahaja dihadapi oleh guru yang berstatus tetap, malah turut berlaku dalam kalangan guru pelatih yang terpaksa membantu pihak pentadbiran sekolah serta guru-guru lain menyelesaikan tugas mereka selain daripada mengajar.

Selain itu, Noorazman Abd Samad et. al (2018) berpendapat terdapat guru yang kurang tertarik menggunakan BBM semasa PdPc. Bagi Siti Aminah Sallehin & Fazlinda binti Ab Halim (2018), pada dasarnya penggunaan BBM yang berasaskan elektronik seperti multimedia atau teknologi berupaya meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dan kefahaman pelajar semasa PdPc. Sungguhpun demikian, terdapat sesetengah guru yang tidak gemar menggunakan medium ini untuk membina BBM kerana dianggap sukar atau rumit untuk disediakan dan dilaksanakan di dalam kelas. Sebagai contoh, bagi BBM berasaskan elektronik, guru memerlukan kemahiran asas yang cekap untuk membina bahan pengajarannya selain menguasai kemahiran-kemahiran tambahan lain untuk menambah baik penghasilan BBM mereka. Guru juga perlu memastikan prasarana seperti makmal komputer, perkakasan komputer, komputer riba dan projektor LCD berfungsi dengan baik tanpa gangguan teknikal yang boleh merencatkan sesi PdPc mereka. Bagi BBM yang berasaskan bahan fizikal pula, guru memerlukan masa yang khusus untuk menyiapkan bahan seperti mencetak, menggunting, menampal bahan pada kad manila, selain perlu mengeluarkan kos sendiri untuk membeli kad manila tersebut, kertas sebak, kertas warna dan sebagainya agar BBM yang dihasilkan menarik dan interaktif. Keadaan ini serba sedikit menyukarkan guru pelatih kerana mereka belum mempunyai sumber kewangan yang tetap dan ada sebahagiannya masih bergantung kepada biasiswa pengajian, selain perlu menanggung kos pengangkutan untuk ke sekolah dan kos penginapan rumah sewa sepanjang menjalani paktikum atau latihan mengajar.

3. Sorotan Literatur

Kajian tentang penggunaan BBM di sekolah telah diulas oleh ramai pengkaji antaranya Mohd Suhaimi Omar, Noor Shah Saad & Mohd. Uzi Dollah (2017). Kajian yang berbentuk kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan borang soal selidik ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat tentang persepsi guru Matematik sekolah rendah tentang penggunaan BBM, kekangan dan cabaran yang perlu dihadapi dalam melaksanakan BBM semasa proses PdPc. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah tradisional seperti penggunaan papan hitam dan kapur tulis semasa sesi pembelajaran sudah tidak lagi relevan dalam proses pengajaran guru masa kini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa BBM berbentuk fizikal (kecuali papan hitam dan kapur tulis) seperti seperti papan gulung berpetak, wang siling contoh, kad imbasan, jalur kertas, dadu, carta dan sebagainya berupaya dapat menarik minat pelajar mendalami setiap topik yang diajarkan oleh guru. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan sikap guru yang positif dalam membina dan melaksanakan BBM semasa sesi PdPc. Namun begitu, masih terdapat kekangan dalam mengekalkan konsistensi penggunaan BBM seperti masa, kewangan dan sebagainya. Sungguhpun demikian, pengkaji berpendapat semua masalah tersebut boleh diatasi melalui perancangan yang sistematik selain sokongan dan bantuan daripada pihak berkaitan termasuklah sekolah dan KPM.

Selain itu, Norfarizah Mohd Bakhir & Mohd Zazril Ikmal Zamri (2016) telah menjalankan kajian yang bertajuk Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Papan Pelbagai Sentuh untuk Pembelajaran Sains Tahun Tiga. Kajian yang dilaksanakan ini menggunakan reka bentuk kajian pelan tindakan. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual terhadap guru Sains yang kebanyakannya tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan BBM semasa sesi pengajaran dan hanya berpandukan buku teks semata-mata di Sekolah Kebangsaan Sungai Batu dan Sekolah Kebangsaan Teluk Kumbang. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah konvensional, iaitu hanya berbantuan buku teks tidak berupaya merangsang motivasi pelajar untuk belajar. Sebaliknya, penggunaan BBM yang diterapkan dalam PdPc dilihat berupaya membuatkan pelajar lebih terangsang dan berminat dalam mempelajari subjek ini. Papan pelbagai sentuh yang digunakan sebagai BBM misalnya mempunyai unsur interaktif yang lebih moden dan mampu memberikan pengalaman baharu kepada pelajar. Malahan juga, hasil kajian menunjukkan para guru dapat mempelajari tentang perkara yang baharu dan boleh diaplikasikan kepada pelajar-pelajarnya pada masa akan datang. Pengkaji juga menyatakan bahawa pelajar lebih seronok jika guru menetengahkan kelainan ketika mengajar termasuklah dari segi penggunaan BBM. Jelas bahawa BBM yang inovatif dan menarik mampu mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang aktif selain berupaya mencapai objektif pembelajaran.

BBM sudah semestinya menjadi salah satu bahan utama yang digunakan oleh guru semasa sesi PdPc berlangsung. Oleh itu, terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji tentang kesediaan dan kemahiran guru dalam menggunakan BBM antaranya kajian yang dilakukan oleh Mat Razali et al. (2017) yang bertajuk Kemahiran dan Penyediaan Bahan Guru Bahasa Arab Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar. Melalui kaedah soal selidik yang dijalankan, kebanyakan guru bersetuju bahawa mereka akan membeli BBM yang bersesuaian dengan topik pengajaran. Mereka juga akan menggunakan wang sendiri tanpa menuntut semula daripada pihak sekolah untuk membina BBM. Pada dasarnya, kebanyakan guru sanggup mencari pelbagai inisiatif untuk menggunakan BBM dalam sesi PdPc hingga sanggup menggunakan dana sendiri bagi menyediakan BBM yang bersesuaian. Sungguhpun demikian, tidak semua guru yang mempunyai komitmen sedemikian terutama dalam kalangan guru pelatih yang masih belum mempunyai sumber pendapatan yang tetap. Walau bagaimanapun, kajian ini telah membuka mata semua pihak bahawa seorang guru sanggup berkorban dari segi kewangan bagi menjamin keberkesanan penerimaan ilmu pengetahuan oleh pelajarnya selain berusaha mewujudkan pembelajaran yang berkesan demi para pelajarnya.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Mohd Amin Mohd Noh et al. (2016) yang bertajuk Inisiatif dan Usaha Guru dalam Meningkatkan Pengetahuan Semasa Penggunaan Bahan Bantu Mengajar. Responden kajian terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam di sekolah bestari terpilih. Berdasarkan perkembangan sistem pendidikan negara, penggunaan BBM semasa sesi PdPc telah menjadi salah satu komponen yang wajib dan telah ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun, didapati bahawa kebanyakan guru masih lagi tidak mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap penggunaan BBM meskipun telah lama menggalas tugas sebagai guru. Kerajaan juga turut menyediakan pelbagai latihan, kursus dan bengkel bagi membantu guru-guru meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran mereka. Namun begitu, penyediaan latihan, kursus dan bengkel tidak dilakukan secara kerap menyebabkan guru tidak mendapat input baharu selaras dengan peredaran zaman. Oleh itu, guru-guru ini telah menggunakan inisiatif sendiri seperti berbincang dengan guru-guru di sekolah lain tentang pembinaan BBM. Terdapat sepuluh cara guru-guru berusaha mendapatkan pengetahuan tentang penggunaan BBM iaitu melalui perbincangan, kaedah cuba jaya, internet, buku, semasa belajar, pengalaman guru, artikel, video, perisian dan rujukan sendiri. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa terdapat juga guru yang berusaha belajar sendiri tentang pembinaan BBM untuk menyahut seruan KPM agar melaksanakan pengajaran berasaskan PAK-21. Namun, usaha ini wajar disusuli dengan bantuan dan sokongan sama ada dari pihak sekolah atau KPM sendiri agar program yang berkaitan dengan pembangunan BBM dapat dilaksanakan secara holistik, bukan sahaja melibatkan sebilangan guru, sebaliknya peluang yang sama perlu diberikan kepada semua guru. Malah,

konsistensi dalam menganjurkan program dan bengkel sedemikian perlu diberikan perhatian supaya guru-guru terus mendapat pengetahuan yang sewajarnya dalam perkembangan pendidikan masa kini.

Selain itu, kajian Saipolbarin Ramli et al. (2019) yang bertajuk Integrasi Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Berasaskan Kit Media dalam Amalan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Guru Pelatih Bahasa Arab mendapati bahawa BBM berbentuk kit media yang berunsurkan KBAT ternyata dapat memberikan kesan yang positif terhadap pengajaran guru, serta pemahaman terhadap kandungan pembelajaran oleh pelajar. Kajian yang melibatkan 71 orang guru pelatih Ijazah Sarjana Muda (ISM) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah menjalani latihan mengajar dalam kursus Bahasa Arab ini menunjukkan bahawa dalam membangunkan kit media seperti powerpoint, powtoon, movie maker, audio visual dan sebagainya, guru pelatih perlulah mahir dalam penggunaan multimedia. Malahan juga, guru pelatih disarankan untuk menerapkan unsur KBAT dalam kit media yang dibina. Tambahnya, kit media yang berkesan mampu merangsang pengetahuan dan pemikiran pelajar ke arah yang lebih luas dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Jelas bahawa penguasaan terhadap elemen ICT serta pengetahuan yang baik terhadap aplikasi KBAT merupakan antara kayu ukur yang membantu penghasilan BBM yang berkesan. Oleh yang demikian, guru pelatih yang telah pun didedahkan dengan pengetahuan pedagogi terkini ketika menuntut di IPT masing-masing perlu bijak memanfaatkan pengetahuan yang dipelajari dalam menghasilkan BBM yang efektif kerana ia berupaya memberikan kesan yang baik sama ada kepada guru pelatih itu sendiri atau kepada para pelajarnya.

4. Objektif Kajian

Terdapat dua objektif yang mendasari kajian ini, iaitu:

- i. Mengenal pasti variasi bahan bantu mengajar (BBM) sebagai bahan instrumen pengajaran dalam kalangan guru pelatih.
- ii. Menghuraikan pandangan guru pelatih tentang penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) sebagai instrumen pengajaran.

5. Metodologi

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Terdapat dua kaedah yang digunakan untuk mengumpul data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah tinjauan. Kaedah kepustakaan membolehkan kajian-kajian lepas berkaitan topik penyelidikan dilakukan dengan merujuk sumber bertulis sama ada artikel, jurnal, buku akademik, disertasi, buletin dan sebagainya. Bagi kaedah ini, liputan tahun rujukan yang dirujuk adalah antara tahun 2012 hingga tahun 2023. Jumlah bahan yang dirujuk pula adalah antara 25 hingga 30 sitasi daripada kajian sarjana-sarjana lepas. Kaedah kepustakaan pada dasarnya digunakan bertujuan menghuraikan atau menjelaskan data yang diperoleh daripada kaedah tinjauan. Dalam erti kata lain, sumber bertulis seperti artikel, jurnal dan disertasi digunakan untuk menghurai atau menjelaskan data kuantitatif (objektif kedua) yang diperoleh daripada responden dengan mensitasi pandangan sarjana berkaitan pandangan mereka tentang aspek positif atau pun negatif tentang pandangan penggunaan BBM oleh guru. Jelas bahawa, kaedah kepustakaan tidak menyalurkan data penyelidikan, sebaliknya digunakan untuk mengukuhkan penyelidikan berdasarkan proses sitasi yang dilakukan terhadap sarjana, bertujuan untuk menghurai atau menjelaskan dapatan penyelidikan ini.

Kaedah tinjauan yang digunakan pula dilakukan dengan mengedar borang soal selidik kepada responden yang terlibat dengan penyelidikan. Dari segi instrumen, borang soal selidik telah digunakan untuk mengumpul maklumat demografi responden dan hasil maklum balas responden tentang kedua-dua objektif kajian, iaitu variasi penggunaan BBM oleh guru pelatih (objektif 1), dan pandangan tentang penggunaan BBM oleh guru pelatih (objektif 2). Instrumen kajian ini dibina berdasarkan perbincangan dan semakan bersama pensyarah penyelia memandangkan penyelidik merupakan pelajar tahun akhir yang perlu menyelesaikan kajian pendek untuk tujuan pengajian. Item yang dibina dalam borang soal selidik telah pun dirujuk dan disahkan bersama-sama penyelia sebelum diedarkan kepada responden. Instrumen yang dibina juga telah mengambil kira sebarang isu sensitif dan etika kerahsiaan responden.

Dari segi responden pula, empat orang guru pelatih yang sedang menjalani latihan mengajar di SMK Tengku Kudin, Raub, Pahang telah dipilih sebagai responden kajian memandangkan pengkaji mempunyai akses kerana turut menjalani latihan mengajar di sekolah yang sama. Keempat-empat responden merupakan guru pelatih daripada pelbagai bidang seperti biologi, bahasa Melayu, Asas Sains Komputer serta Reka Bentuk dan Teknologi. Kajian ini merupakan penyelidikan berbentuk kajian kes, maka empat orang responden boleh diterima sebagai memadai bagi reka bentuk kajian tersebut.

Data yang diperoleh daripada borang soal selidik akan dianalisis secara tematik. Bagi objektif pertama, iaitu mengenal pasti variasi bahan bantu mengajar (BBM) sebagai instrumen pengajaran oleh guru pelatih, analisis tematik dilakukan dengan mengenal pasti pola atau tema utama yang terbentuk hasil daripada jawapan yang diberikan oleh responden. Bagi objektif kedua pula, iaitu menghuraikan pandangan guru pelatih tentang penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) sebagai instrumen pengajaran, analisis tematik turut digunakan untuk

mengenali pasti pola atau tema yang menunjukkan pandangan guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran. Setiap pola atau tema yang diperoleh ini akan diuraikan satu per satu berdasarkan hasil jawapan skala Likert responden, dan disusuli dengan huraian secara deskriptif bagi menjelaskan data yang diperoleh daripada skala Likert tersebut. Selain itu, data kajian ini tidak dianalisis dengan menggunakan teori, sebaliknya hanya dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kaedah kualitatif, dan diperkukuhkan dengan sitasi daripada kajian-kajian lepas. Oleh yang demikian, tiada data bersifat analitikal yang diuraikan berdasarkan teori dalam penyelidikan ini.

6. Analisis dan Perbincangan

Bagi menjawab objektif kajian, terdapat dua bahagian yang akan dibincangkan pada bahagian ini, iaitu (i) mengenali pasti jenis variasi bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru pelatih dan (ii) menghuraikan pandangan guru pelatih tentang penggunaan BBM sebagai instrumen pengajaran.

6.1 Variasi Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Sebagai Instrumen Pengajaran oleh Guru Pelatih

Jadual 1 Variasi bahan bantu mengajar oleh guru pelatih

Responden	Bidang Pengkhususan	Jenis bahan bantu mengajar	
		Bahan berbentuk Fizikal	Bahan berasaskan Teknologi
1	Biologi	buku teks, model pernafasan, model neuron, model pencernaan, nota	slide <i>canva</i> , <i>Kahoot</i> , <i>Wordwall</i> , tayangan video animasi dan <i>Educandy</i>
2	Bahasa Melayu	permainan JENGJA, permainan kuiz bola, permainan kotak beracun, gambar, modul, nota, kertas majong, buku teks, lembaran kerja dan gambar	aplikasi <i>Kahoot</i> , komputer, tayangan video interaktif dan <i>Educandy</i>
3	Asas Sains Komputer	buku teks, kotak beracun, permainan <i>barrel pirate</i> , kad manila dan pen penanda bewarna	aplikasi <i>Kahoot</i> , <i>Mentimeter</i> , LCD, komputer, tayangan filem dan video
4	Reka Bentuk dan Teknologi	model olokan, surat khabar, buku teks, nota edaran, kertas majong, buku latihan	<i>slide</i> , tayangan <i>YouTube</i> , aplikasi <i>autocad</i> , LCD, komputer, tayangan video pendidikan

Jadual 1 menunjukkan variasi BBM yang digunakan oleh guru pelatih dalam sesi PdPc masing-masing. Responden 1 merupakan guru pelatih yang mengajar mata pelajaran Biologi. Hasil pemerhatian menunjukkan guru pelatih menggunakan kedua-dua bahan berbentuk fizikal dan yang berasaskan teknologi. Antara bahan fizikal yang digunakan bagi mata pelajaran ini ialah buku teks, model pernafasan, model neuron, model pencernaan dan nota. Bagi bahan yang berasaskan teknologi pula, bahan yang digunakan merangkumi slide *canva*, *Kahoot*, *Wordwall*, tayangan video animasi dan *Educandy*. Jelas bahawa guru pelatih telah mempelbagaikan BBM dalam menyampaikan PdPc dengan menggunakan kedua-dua bentuk bahan sama ada secara konvensional mahupun bahan berasaskan teknologi.

Seterusnya, responden 2 merupakan guru pelatih yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Hasil pemerhatian menunjukkan guru pelatih turut mengimplimentasikan kedua-dua bahan berbentuk fizikal dan yang berasaskan teknologi sebagai BBM dalam PdPc. Antara bahan fizikal yang digunakan bagi mata pelajaran ini ialah permainan JENGJA, permainan kuiz bola, permainan kotak beracun, gambar, modul, nota, kertas majong, buku teks, lembaran kerja dan gambar. Bagi bahan yang berasaskan teknologi pula, guru pelatih menggunakan aplikasi *Kahoot*, komputer, tayangan video interaktif dan *Educandy*. Berdasarkan bahan-bahan yang digunakan, jelas menunjukkan bahawa dalam bidang bahasa Melayu juga penerapan pelbagai BBM sama ada konvensional atau yang menggunakan bahan berasaskan teknologi dapat digunakan.

Bagi responden 3 yang merupakan guru pelatih subjek Asas Sains Komputer, bahan fizikal yang digunakan ialah buku teks, kotak beracun, permainan *barrel pirate*, kad manila dan pen penanda bewarna. Bagi bahan yang berasaskan teknologi pula, guru pelatih menggunakan aplikasi *Kahoot*, *Mentimeter*, LCD, komputer, tayangan filem dan video sebagai BBM untuk sesi PdPc yang dijalankan. Responden 4 yang mengajar subjek Reka Bentuk dan Teknologi juga menggunakan kedua-dua jenis BBM. Antara BBM berbentuk fizikal yang digunakan ialah model olokan, surat khabar, buku teks, nota edaran, kertas majong dan buku latihan. Bagi bahan berasaskan teknologi pula, guru pelatih menggunakan slide, tayangan *YouTube*, aplikasi *autocad*, LCD, komputer dan

tayangan video pendidikan sebagai BBM untuk sesi PdPc yang dijalankan. Berdasarkan pemerhatian, jelas bahawa guru pelatih masa kini gemar mempraktikkan pelbagai BBM untuk menyampaikan pengajaran dengan menerapkan BBM berbentuk konvensional, dan bahan BBM yang berasaskan teknologi.

Menurut Rabaah Abdullah, Wan Noorlizawati Wan Mat Ali dan Adnan Jusoh (2021), dalam memenuhi tuntutan KPM, semua guru perlu mempelbagai BBM dengan mencipta inovasi selaras dengan pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Malah, hal ini sejajar dengan pembelajaran abad ke-21 yang turut memberikan penekanan kepada pembinaan BBM yang dapat memenuhi kemahiran pembelajaran dan inovasi, serta kemahiran maklumat, media dan teknologi. Bagi Nur Syuhada Mat Husin dan Zamri Mahamod (2023), pendekatan pengajaran yang interaktif pada dasarnya berupaya menarik minat pelajar selain dapat mewujudkan persepsi positif terhadap suatu proses PdPc. Oleh yang demikian, guru pelatih khususnya yang baru menceburi bidang pendidikan amat digalakkan mempelbagai BBM dalam sesi PdPc mereka sejajar dengan keperluan pendidikan masa kini. Malah, guru pelatih yang sedia ada juga merupakan individu dalam kalangan generasi Y dan Z yang sememangnya terdedah dengan pelbagai kaedah pembelajaran abad ke-21 ketika mengikuti kuliah di peringkat institusi pengajian tinggi. Pendedahan tersebut secara tidak langsung menuntut guru pelatih memahami, mempelajari dan seterusnya mempraktikkan pelbagai kaedah pengajaran yang berkesan.

6.2 Pandangan Guru Pelatih tentang Penggunaan Bahan Bantu Mengajar sebagai Instrumen Pengajaran

Bagi menjawab objektif kedua, terdapat beberapa soalan yang dikemukakan untuk mendapatkan pandangan guru pelatih tentang penggunaan bahan bantu mengajar sebagai instrumen pengajaran semasa sesi PdPc. Hasil maklum balas menunjukkan terdapat beberapa pandangan positif dan negatif yang dikemukakan oleh guru pelatih tentang penggunaan BBM ketika sesi PdPc. Setiap maklum balas guru pelatih akan dijelaskan satu persatu bagi memudahkan pemahaman terhadap isu yang dibincangkan.

6.2.1 Penggunaan BBM dapat Memberi Kepuasan Kepada Guru Pelatih

Jadual 2 Borang soal selidik

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Penggunaan bahan bantu mengajar dapat membantu saya untuk mengenali murid-murid dengan lebih mendalam.	-	1	2	1
Saya gembira dan senang hati dapat menggunakan bahan bantu mengajar yang dibina oleh saya.	-	-	-	4
Saya mendapat sokongan daripada pihak sekolah tentang penggunaan pelbagai variasi bahan bantu mengajar semasa sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc).	1	-	2	1

Borang soal selidik menunjukkan keempat-empat guru pelatih berasa puas dan gembira apabila dapat menggunakan BBM yang dibina dalam PdPc mereka. Menurut Mahmood Nazar Mohamed (2018), kepuasan dalam diri seseorang itu dapat dilihat apabila mereka dapat menunjukkan sikap atau perasaan yang positif berkaitan tugas atau kerja yang berjaya dilakukan. Pernyataan tersebut dapat dikaitkan dengan pernyataan bahawa penggunaan BBM yang dicipta sendiri itu mampu memberi kepuasan kepada guru pelatih sama ada ketika proses penyediaannya, atau keberkesanan penggunaannya semasa PdPc. Secara umumnya, guru pelatih ini masih lagi memegang status sebagai pelajar dan mereka akan sentiasa belajar perkara-perkara yang baharu. Oleh itu, semasa guru-guru pelatih ini menjalankan latihan mengajar, mereka akan mula membina dan mencipta BBM mengikut tahap kreativiti dan kesesuaian bidang masing-masing. Kepuasan dalam mencipta BBM itu terjadi apabila mereka berjaya mencipta BBM yang sesuai dan berkesan semasa PdPc berlangsung. Jelas bahawa perubahan dan teknik strategi pengajaran dan pembelajaran dalam BBM merupakan salah satu langkah yang penting dalam menyampaikan ilmu yang berkesan (Hanifah Mahat et al. 2020).

Selain itu, kepuasan guru dalam menggunakan BBM ini juga berkait rapat dengan tahap kepuasan mereka bekerja di sekolah apabila mereka sentiasa mendapat sokongan daripada pihak atasan seperti pihak pentadbir dan juga guru-guru di sekolah. Dalam erti kata lain, guru-guru dan pentadbir sekolah sentiasa memberi sokongan dan motivasi kepada guru pelatih yang berusaha membina BBM mereka sendiri. Secara tidak langsung, guru-guru dan pentadbir sekolah dapat memberikan tanggapan yang baik dan positif terhadap guru pelatih masa kini yang berusaha sebaik mungkin untuk mewujudkan suasana PdPc yang aktif dan menyeronokkan. Malah, hasil borang soal selidik juga menunjukkan tiga orang daripada seorang guru pelatih mendapat sokongan daripada pihak

pentadbir sekolah dan guru-guru terhadap daya usaha guru pelatih yang berusaha membangunkan BBM masing-masing. Hal ini bertepatan dengan pendapat Ellysuzya Jerry Kolin dan Siew Nyet Moi (2023) dalam artikelnya yang menyatakan bahawa kepuasan guru sewaktu bekerja di sekolah dapat mempengaruhi proses PdPc. Tambahnya juga, penggunaan BBM bukan sahaja dapat memberi kepuasan kepada guru-guru, malahan kualiti pengajaran juga bertambah baik. Jelaslah bahawa, penggunaan BBM itu sememangnya dapat memberi kepuasan kepada guru apabila ia dapat dibangunkan dengan jayanya, serta dapat dilaksanakan secara berkesan semasa waktu PdPc.

6.2.2 Penggunaan BBM dapat Memberi Kemudahan Kepada Guru Melaksanakan Sesi Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran

Jadual 3 Borang soal selidik

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Bahan bantu mengajar yang berasaskan teknologi mudah untuk dibina.	-	-	2	2
Bahan bantu mengajar berbentuk fizikal susah untuk dibina kerana penyediaannya lebih rumit.	-	2	1	1
Penggunaan bahan bantu mengajar teknologi seperti <i>kahoot</i> dan <i>plickers</i> dapat membantu saya semasa sesi PdPc.	-	1	1	2
Bahan bantu mengajar berbentuk video dan audio mudah dijumpai dalam laman sesawang.	-	-	2	2

Hasil borang soal selidik menunjukkan majoriti guru pelatih setuju dan sangat setuju bahawa penggunaan BBM dapat memberi kemudahan kepada mereka untuk melaksanakan sesi PdPc. Malah, dapatan kajian juga menunjukkan kecenderungan penggunaan BBM berbentuk teknologi oleh guru pelatih jika dibandingkan dengan BBM berbentuk fizikal. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor dan salah satunya ialah guru pelatih mahir dan cekap mengendalikan peranti elektronik. Alagesan Ambikapathy, Siti Hajar Halili & Mohana Dass Ramasamy (2020) menyatakan bahawa guru-guru pelatih pada dasarnya mempunyai kemahiran asas dalam mengendalikan peranti elektronik seperti cara penggunaan komputer, cara untuk mengakses pelbagai bahan yang terdapat dalam internet, termasuklah cara untuk mengendalikan aplikasi yang terdapat dalam medium tersebut. Tambahan juga, guru pelatih ini telah pun didedahkan dengan pelbagai kemahiran pedagogi PAK-21 ketika menuntut di institusi pengajian masing-masing. Oleh sebab sistem pendidikan kini lebih menjurus kepada amalan PAK-21, maka guru-guru pelatih ini secara tidak langsung digalakkan menggunakan pelbagai medium untuk melaksanakan pengajaran termasuklah penggunaan ICT.

Selain itu, penggunaan BBM yang berasaskan teknologi ini tidak memerlukan guru pelatih mengeluarkan kos yang banyak. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi Kahoot boleh digunakan secara percuma dan guru pelatih hanya perlu mencipta kuiz mereka sendiri dalam aplikasi tersebut. Penggunaan BBM berbentuk teknologi juga dapat disampaikan dengan lebih cepat berbanding teknik pembelajaran secara konvensional (Dyah Ajeng Candrawaty, Rian Damariswara & Kukuh Andri Aka, 2022). Sebagai contoh, slaid power point atau canva sangat popular digunakan dalam kalangan guru untuk memaparkan nota semasa mengajar di dalam kelas. Aplikasi tersebut juga menyediakan pelbagai elemen kreatif seperti warna yang pelbagai, corak yang menarik dan sebagainya bagi membolehkan para guru menghasilkan nota yang menarik untuk menyampaikan pengajaran. Bagi Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim et al. (2021), BBM berbentuk teknologi seperti CD interaktif, video YouTube, laman sesawang dan sebagainya dapat memberikan manfaat kepada pelajar dalam menikmati dan mengapresiasi perkembangan proses pembelajaran. Tambahnya juga, BBM sedemikian dapat melahirkan insan yang berani berhadapan dengan pelbagai cabaran yang terdapat dalam bidang pendidikan abad ke-21 yang semakin mencabar ini.

Namun begitu, tidak semua mata pelajaran boleh bergantung kepada BBM berbentuk teknologi. Sebagai contoh, bagi guru yang mengajar subjek seperti Biologi, mereka lebih cenderung untuk menggunakan BBM berbentuk fizikal kerana kandungan pengajaran lebih mudah disampaikan secara langsung. Sebagai contoh, BBM berbentuk fizikal yang digunakan adalah model pernafasan dan model neuron. Sungguhpun demikian, pembinaan BBM berbentuk fizikal ini memerlukan kos penyediaan yang tinggi dan memperuntukkan masa yang banyak untuk membinanya. Malah, hasil borang soal selidik juga menunjukkan kebanyakan guru setuju dan sangat setuju akan pernyataan penyediaan BBM secara fizikal agak rumit. Oleh yang demikian, kebanyakan guru lebih gemar untuk membeli bahan yang telah sedia ada di pasaran berbanding membangunkan bahan tersebut melalui hasil dayasanya sendiri (Ab Halim & Zaradi Sudin, 2007 dalam Rusdi Ab Majid & Zawawi Ismail, 2017).

6.2.3 Penggunaan BBM dapat Meningkatkan Pengetahuan Guru Pelatih

Jadual 4 Borang soal selidik

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Penggunaan bahan bantu mengajar ini dapat memberi pengetahuan dan ilmu yang baru kepada guru pelatih.	-	1	1	2

Proses untuk menjadi seorang guru yang hebat dan cemerlang itu memerlukan usaha yang banyak dan ianya bukanlah satu perkara yang mudah. Seorang guru itu perlu mempunyai pelbagai pengetahuan, pengalaman dan ilmu dalam bidang tersebut. Seorang guru itu perlu melaksanakan tugas mereka dengan sepenuh hati kerana ianya akan menjadi merupakan tugas hakiki mereka. Apabila menjadi seorang guru, terdapat pelbagai perkara yang baru akan diperolehi dan guru perlu mencurahkan setiap ilmu yang ada kepada pelajar. Pengetahuan baru itu bukan sahaja boleh didapati semasa melakukan sesi pembelajaran malah ianya juga boleh didapati melalui pengalaman sendiri. Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al. (2020) menyatakan bahawa guru yang mengambil inisiatif sendiri mencari dan membina inovasi bahan pengajaran dapat menjana pelbagai jenis ilmu pengetahuan dan mencambah berbagai-bagai pengalaman. Pembinaan inovasi atau BBM bukan sahaja dapat meningkatkan kreativiti dan daya inovasi guru, malah pada masa yang sama guru dapat mempelajari pelbagai input baharu melalui carian maklumat ketika menghasilkan bahan inovasi atau BBM tersebut. Ab. Halim dan Amat Manis (2021) menyatakan bahawa para pendidik, termasuklah bakal guru, perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran berkaitan teknologi supaya mereka dapat mewujudkan suasana pembelajaran abad ke-21 melalui penyediaan BBM yang bukan sahaja pelbagai, malah kreatif dan bersifat inovatif.

6.2.4 Guru Pelatih Tidak Mempunyai Dana Berterusan untuk Membina BBM

Jadual 5 Borang soal selidik

Item	Sangat tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat setuju
Saya tidak mendapat dana dan bantuan sekiranya ingin membina bahan bantu mengajar yang berbentuk fizikal.	-	-	1	3
Saya perlu mengeluarkan duit sendiri bagi menghasilkan bahan bantu mengajar yang lebih kreatif dan inovatif.	-	-	-	4

Melalui kajian yang dilaksanakan oleh Zamri Mahamod & Magdeline anak Nor (2012), kebanyakan guru Iban sanggup mengeluarkan duit mereka sendiri untuk menghasilkan bahan pengajaran dalam bentuk yang bercetak. Kebanyakan guru menggunakan wang sendiri secara sukarela atau tidak rela demi menyediakan bahan yang sesuai kepada pelajar supaya mereka faham tentang topik yang dipelajari. Guru sanggup membelanjakan wang sendiri asalkan pelajar dapat menikmati sesi PdPc dengan sebaik mungkin. Bagi Norlia Mohd. Amin & Mohd Hanafi Mohd Yasin (2016), penyediaan bahan, sumber dan juga kemudahan merupakan salah satu tanggungjawab pihak pentadbir di sekolah bagi memastikan guru melaksanakan tugas mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Pihak sekolah, misalnya, boleh memanfaatkan dana yang disalurkan oleh kerajaan atau Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) kepada guru bagi membolehkan mereka membina BBM demi pembelajaran para pelajarnya. Malah, pelajar juga dapat belajar dalam keadaan yang baik apabila guru mempelbagaikan BBM dalam pengajaran mereka. Jelaslah bahawa bagi memastikan kualiti sesi PdPc sentiasa terjaga, semua pihak perlu cakna bahawa beban penyediaan BBM itu tidak tertakluk kepada tanggungjawab seorang guru sahaja, malah perlu mendapat sokongan daripada pihak-pihak lain seperti yang dinyatakan sebelum ini.

6.2.5 Guru Pelatih Tidak Dapat Mengaplikasikan BBM kerana Kekurangan Kemudahan

Jadual 6 Borang soal selidik

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Bahan bantu mengajar berasaskan teknologi sukar untuk dilaksanakan semasa PdPc kerana kekurangan alat yang sesuai.	-	1	1	2

Norul Haida Redzuan, Normarini Norzan & Nur Nadzirah Amir (2019) menyatakan bahawa penggunaan bahan berasaskan elektronik seperti slaid, projektor & LCD yang lengkap dalam kelas dapat menjadikan sesi PdPc berjalan dengan lancar. Sungguhpun demikian, tidak semua sekolah mampu menyediakan kemudahan tersebut dengan baik, malah jika ada sekalipun, kemudahan tersebut ada yang tidak boleh berfungsi atau pun telah rosak. Terdapat juga situasi guru perlu bersaing dengan guru-guru lain untuk menggunakan kemudahan tersebut kerana jumlahnya yang terhad, misalnya hanya ditempatkan di bilik Pembelajaran Abad ke-21 atau makmal komputer. Apabila keadaan ini berlaku, guru termasuklah guru pelatih terpaksa berbalik kepada cara dan teknik konvensional, iaitu teknik 'chalk & talk', atau dengan menggunakan buku teks sebagai BBM utama mereka. Secara dasarnya, pihak kementerian perlu menyediakan bahan-bahan tersebut bukan sahaja dalam kuantiti yang banyak, malah memastikan alat tersebut boleh digunakan atau berfungsi dengan baik demi mencapai pembelajaran abad ke-21. Namun, jika perkara ini tidak dititikberatkan, maka pengaplikasian BBM khususnya yang berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya dan kaedah pengajaran secara konvensional akan terus diterapkan oleh guru.

6.2.6 Penggunaan BBM Mengambil Masa yang Lama dan Wujud Risiko Sampingan Penggunaan BBM

Jadual 7 Borang soal selidik

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Bahan bantu mengajar yang dihasilkan akan mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan semasa sesi PdPc.	1	1	1	1
Saya gagal untuk menarik tumpuan pelajar sekiranya tidak menggunakan bahan bantu mengajar.	-	-	2	2

Salah satu cabaran dalam menerapkan elemen teknologi maklumat, multimedia dan bahan elektronik dalam sesi PdPc ialah kekangan masa, iaitu dari segi persiapan untuk membina BBM tersebut. Walaupun berperanan sebagai guru pelatih, hakikatnya mereka memikul tanggungjawab sama seperti guru-guru lain. Hal ini dikatakan demikian kerana guru pelatih turut terlibat dalam tugas-tugas perkeranian, mengendalikan aktiviti yang dijalankan oleh sekolah, menyertai program yang dianjurkan oleh sekolah dan sebagainya. Malahan juga, guru pelatih masih terikat dengan penilaian yang perlu dilakukan oleh pensyarah penyelia masing-masing untuk menilai prestasi akademik dan kokurikulum sepanjang mereka berpraktikum. Oleh yang demikian, pelbagai dokumentasi dan tugas-tugas lain yang perlu dilakukan untuk memenuhi tuntutan pengajian, dan tuntutan sebagai guru di sekolah. Beban ini serba sedikit mengehadkan masa guru pelatih dalam membina BBM yang interaktif secara konsisten. Guru pelatih terpaksa bergilir-gilir menggunakan kaedah konvensional dan kaedah pembelajaran interaktif akibat kekangan masa yang dialaminya. Keadaan ini seperti yang dinyatakan oleh Mohd Suhaimi Omar, Noor Shah Saad, Mohd. Uzi Dollah (2017) bahawa guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyediakan BBM selain dibebani dengan silibus pengajaran yang banyak dan tekanan daripada pihak pentadbir untuk menghabiskan silibus berkenaan. Malahan juga, masalah teknikal seperti capaian internet yang lemah, alatan BBM berbentuk teknologi yang tidak dapat berfungsi dengan baik dan sebagainya juga menyebabkan guru pelatih kurang bermotivasi membina BBM untuk sesi PdPc mereka. Jelaslah bahawa, setiap usaha pasti ada cabarannya, namun jika cabaran yang dihadapi terus mengganggu komitmen guru pelatih untuk menyampaikan pengajaran dengan baik, maka lama kelamaan motivasi guru pelatih juga akan merundum.

7. Kesimpulan

Sejajar dengan proses pembelajaran abad ke-21, guru pelatih masa kini dilihat berusaha mempelbagaikan bahan bantu mengajar dalam PdPc mereka bukan sahaja bertujuan untuk memenuhi tuntutan pengajaran yang efektif,

malah untuk meningkatkan keupayaan diri serta berusaha menarik minat pelajar untuk terus kekal fokus dalam PdPc mereka. Hal ini dapat dilihat melalui usaha guru pelatih menerapkan pelbagai kaedah sama ada menggunakan bahan berbentuk fizikal dan bahan berasaskan teknologi untuk menyampaikan kandungan pengajaran mengikut bidang masing-masing. Dari sudut positif, penerapan variasi bahan bantu mengajar ini mendatangkan pelbagai manfaat kepada guru pelatih dari segi kepuasan menyampaikan pengajaran, kemudahan mengendalikan pengajaran dan mencambah ilmu pengetahuan sedia ada. Sungguhpun demikian, masih terdapat beberapa halangan yang perlu dihadapi oleh guru pelatih dalam memastikan konsistensi penyediaan bahan bantu mengajar seperti bantuan kewangan, kekangan masa, masalah teknikal dan capaian internet di institusi pendidikan, dan sebagainya. Dalam hal ini, kekangan yang timbul perlu diatasi dengan baik oleh guru pelatih memandangkan mereka merupakan bakal pendidik yang akan meneraju bidang pendidikan pada masa depan. Namun, pada masa yang sama, semua pihak perlu memainkan peranan bersama untuk memastikan guru pelatih ini sentiasa mendapat sokongan yang sewajarnya dalam melaksanakan tanggungjawab mereka mendidik anak bangsa seperti kemudahan kewangan dan infrastruktur, supaya proses PdPc dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dari segi implikasi, kajian ini berusaha mengetengahkan kepentingan penerapan pelbagai bahan bantu mengajar yang kreatif dan inovatif untuk sesi PdPc yang dapat memberikan manfaat kepada guru dan pelajar. Pada masa yang sama, kajian ini diharapkan dapat membuka mata semua pihak bahawa untuk mengekalkan konsisten guru pelatih dalam menyediakan bahan bantu mengajar, sokongan pihak tertentu dalam menyediakan prasarana yang berkaitan amatlah diharapkan. Secara tidak langsung, kajian ini juga dapat membuka mata semua pihak bahawa guru pelatih berupaya membawa pelbagai pembaharuan dari segi teknik dan kaedah Pembelajaran Abad ke-21 sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penulisan artikel ini, khususnya pensyarah pembimbing, Dr. Nur Farahkhanna binti Mohd Rusli. Terima kasih juga kepada semua pihak atas kerjasama, sokongan, pandangan, data dan bantuan secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses penyelidikan dan penulisan dijalankan.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dalam penerbitan makalah ini.

Penglibatan Penulis

*Penulis mengesahkan sumbangan terhadap artikel adalah seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** Siti Aisyah binti Abdul Jalil, Nur Farahkhanna binti Mohd Rusli; **pengumpulan data:** Siti Aisyah binti Abdul Jalil; **analisis dan tafsiran hasil:** Siti Aisyah binti Abdul Jalil, Nur Farahkhanna binti Mohd Rusli; **penyediaan draf manuskrip:** Siti Aisyah binti Abdul Jalil, Nur Farahkhanna binti Mohd Rusli. Semua penulis telah menyemak hasil kajian dan meluluskan versi akhir manuskrip.*

Rujukan

- Mat Razali, A.S., Husaini, M.H., Mohd Pisol, M.I., Mat Saad, D.U., Mohd Hairon, S., Hussin, N.H., & Md Daud, M.K. (2017). Kemahiran dan penyediaan bahan guru bahasa Arab terhadap penggunaan bahan bantu mengajar. *Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 4(2), 120–126.
- Alagesan Ambikapathy, Siti Hajar Halili, & Mohana Dass Ramasamy. (2020). Kemahiran TMK dalam kalangan guru-guru bahasa Tamil sekolah menengah. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(3), 99–114.
- Candrawaty, D. A., Damariswara, R., & Aka, K. A. (2022). Analisis respon guru dan siswa terhadap penggunaan multimedia interaktif berbasis Android materi non fiksi bermuatan kearifan lokal Kediri Raya. *Jurnal Basicedu*, 6(4), 7456–7465.
- Kolin, E. J., & Moi, S. N. (2022). Pengaruh kepuasan kerja dan motivasi guru matematik terhadap penggunaan bahan bantu mengajar digital matematik di sekolah rendah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 8(49), 22–36.
- Ab. Halim, F., & Amat Manis, A. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pembelajaran berbantuan permainan digital pelajar kolej vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(2), 123–133.
- Mahat, H., Arshad, S., Salleh, Y., Aiyub, K., Hashim, M., & Nayan, N. (2020). Penggunaan dan penerimaan bahan bantu mengajar multimedia terhadap keberkesanan pembelajaran geografi. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 16(3), 219–234.

- Mohamed, M. N. (2018). *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ishar, M. I., & Jabor, M. K. (2016). Pembentukan kemahiran kepimpinan guru pelatih melalui latihan mengajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(3), 99–110.
- Ab Majid, M. R., & Ismail, Z. (2017). Kreativiti pengajaran guru bahasa Arab di Malaysia. *JUPIDI: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(4), 27–38.
- Mohd Noh, M.A., Ilias, M.F., Husain, K., Sulaiman, M.S., & Abdullah, M. (2016). Inisiatif dan usaha guru dalam meningkatkan pengetahuan semasa penggunaan bahan bantu mengajar. *Journal of Social Science and Humanities*, S3, 133–144.
- Ilias, M. F., Ismail, M. F., & Jasmi, K. A. (2013). Faktor dorongan dan halangan penggunaan bahan bantu mengajar oleh guru pendidikan Islam di sekolah bestari. In *Proceedings of the 3rd International Conference on Islamic Education* (pp. 943–953).
- Omar, M. S., Saad, N. S., & Dollah, M. U. (2017). Penggunaan bahan bantu mengajar guru matematik sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 7(1), 32–46.
- Mohd Bakhir, N., & Zamri, M. Z. I. (2016). Penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan papan pelbagai sentuh untuk pembelajaran sains tahun tiga. In *Proceedings of the 2nd International Conference on Creative Media, Design & Technology (REKA2016)* (pp. 87–92).
- Fadila, N., Mahamod, Z., & Wan Mohamad, W. M. R. (2012). Penguasaan pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa Iban. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2).
- Mohd Amin, N., & Mohd Yasin, M. H. (2016). Pelaksanaan program pendidikan inklusif murid berkeperluan khas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2015. In *Proceedings of the Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara* (Vol. 6).
- Mehat, N., Abdullah, N., & Hassan, K. (2022). Hubungan antara beban tugas dan tahap kesejahteraan guru wanita. *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Science Research*, 6(1), 112–123.
- Abd Samad, N., Wan Ahmad, W. M. R., Harun, H., Amiruddin, M. H., Hashim, S., & Jaafar, F. (2018). Bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah menengah kebangsaan (SMK) daerah Pontian. *Online Journal for TVET Practitioners*. Special Issue, retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4808>
- Redzuan, N. H., Norzan, N., & Amir, N. N. (2019). Bahan kartun dalam karangan bahasa Melayu. *International Journal*, 2(7), 1–11.
- Che Ibrahim, N. F. S., Mohd Rusli, N. F., Shaari, M. R., & Nallaluthan, K. (2021). Persepsi pelajar terhadap aplikasi multimedia interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(1), 15–24.
- Mat Husin, N. S., & Mahamod, Z. (2023). Tahap minat dan persepsi pelajar sekolah menengah rendah terhadap penggunaan bahan pembelajaran gamifikasi dalam mata pelajaran bahasa Melayu. *PENDETA*, 14(2), 131–145.
- Abdullah, R., Wan Mat Ali, W. N., & Jusoh, A. (2021). Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam subjek tema “Penjajahan di Asia Tenggara pada abad ke-19”. *Jurnal Perspektif*, 13(1), 1–13.
- Ramli, S., Abdul Ghani, M. T., Atoh, N., & Muhammad Romli, T. R. (2019). Integrasi elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berasaskan kit media dalam amalan pembelajaran dan pemudahcaraan guru pelatih bahasa Arab. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 9(1), 33–44.
- Sallehin, S. A., & Ab Halim, F. (2018). Penggunaan alat bahan bantu mengajar berasaskan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah zon Benut. *Online Journal for TVET Practitioners*.
- Halili, S. H., & Suguneswary. (2016). Faktor mempengaruhi penggunaan video YouTube dalam kalangan guru sekolah rendah dalam kesusasteraan Tamil. *JUKU: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1), 39–45.
- Wan Abdullah, W. A. A., et al. (2020). Pengetahuan untuk menghasilkan inovasi pengajaran dalam kalangan guru inovatif pendidikan Islam. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 192–201.
- Mahamod, Z., & Anak Nor, M. (2012). Penguasaan pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa Iban. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2).